

Rujukan Kami : UMP.03.08/11.21/1/4 Jilid 17 (54)
Tarikh : 24 Februari 2021

Semua Dekan/ Ketua Jabatan
Universiti Malaysia Pahang

Assalamualaikum wrt.wbt.
YBhg. Prof. Dato' / Prof. / Prof. Madya / Tuan / Puan,

**KETETAPAN PERATURAN BARU BERKAITAN JAWATANKUASA PENILAIAN
TEKNIKAL/KEWANGAN BAGI TENDER/SEBUTHARGA**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Mesyuarat Lembaga Perolehan Bil.1/2021 telah menetapkan pemohon bagi satu-satu projek perolehan adalah tidak dibenarkan untuk menjadi ahli atau turut hadir dalam Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian Teknikal atau Jawatankuasa Penilaian Kewangan bagi meningkatkan ketelusan dan integriti pengurusan perolehan Universiti.

3. Sehubungan dengan itu, Dekan/Ketua Jabatan diminta untuk melantik pegawai-pegawai yang mempunyai kepakaran dan kemahiran bagi menilai perolehan yang sedang dilaksanakan. Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian hendaklah dipengerusikan oleh Dekan/Ketua Jabatan/Pegawai yang diturunkan kuasa. Sementara bagi urusan sesi pembentangan bersama Pihak Berkuasa Melulus (PBM) hendaklah dihadiri oleh Dekan/Ketua Jabatan.

4. Arahan ini adalah berkuat kuasa serta-merta untuk tindakan semua Dekan/Ketua Jabatan.


Sekian, terima kasih.

"PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Memasyarakatkan Teknologi"

Saya yang menjalankan amanah,



(ZAINUDIN BIN OTHMAN)
Bendahari / Ketua Pegawai Kewangan
Universiti Malaysia Pahang